

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee


Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



## Mari Mengenal Kata Nama (*Isim*) dalam Bahasa Arab

Ditulis oleh: Mashitah Nordin & Nur Aini Ariffin



Tanda-tanda Kata Nama (*Isim*) عَلَامَاتِ الْإِسْمِ ialah:

- 1) Boleh disambung dengan (ال) seperti perkataan الرَّجُلُ bermaksud *lelaki*.
- 2) Boleh menerima *ta' marbutah* (ة) seperti perkataan وَاسِعَةٌ bermaksud *luas*.
- 3) Boleh menerima *tanwin* samada atas (*fathah*), bawah (*kasrah*) atau depan (*dommah*) seperti perkataan جَمِيلٌ bermaksud *murah*.
- 4) Boleh menjadi *al-munada* (المُنَادِي) iaitu objek yang diseru seperti: أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ! bermaksud *wahai orang-orang beriman!*
- 5) Boleh menjadi *al-idhofah* (الإِضَافَةُ). *Al-idhofah* secara umumnya merupakan

dua kata nama yang bergabung menjadi makna yang khusus seperti:

مِفْتَاحُ الْبَيْتِ bermaksud *kunci rumah*

- 6) Boleh menjadi *maf'ulun bihi* (مَفْعُولٌ بِهِ) iaitu objek seperti dalam ayat berikut: شَرِبْتُ قَهْوَةً bermaksud *saya telah minum kopi*

- 7) Boleh menjadi *al-mubtada'* (المُبْتَدَأُ) iaitu subjek dan selalunya boleh dilihat pada *jumlah ismiyyah* (ayat yang bermula dengan kata nama) seperti:

أَمْسَجِدٌ جَدِيدٌ bermaksud *masjid itu baru*

- 8) Boleh menjadi *fa'il* (القَاعِلُ) iaitu pembuat/pelaku seperti:

أَكَلَ مُحَمَّدٌ خُبْزًا bermaksud *Muhammad telah makan roti*

- 9) Boleh berada selepas *harf jar* (حَرْفُ الْجَرِّ) iaitu preposisi seperti:

نَحْنُ فِي الْجَامِعَةِ bermaksud *kami di universiti*

- 10) Boleh berada selepas *zorof* (ظَرْفٍ) iaitu adverba seperti:

الطَّالِبُ أَمَامَ الْفَصْلِ bermaksud *pelajar itu di hadapan kelas*

Rujukan:

Abbas Hassan. 2007. An-Nahw Al-Wafi. Maktabah Al-Muhammadiyah, Beirut.

Baha'uddin Abdullah Bin 'Aqil. 2009. Syarhu Ibnu 'Aqil. Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Fadhil Soleh As-Samaraki. (2017). Ma'ani An-Nahwi. Edisi Pertama. Beirut.